



SURAT PEMBERITAHUAN PEJABAT SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

PROSES PENGISIAN KEKOSONGAN OLEH URUS SETIA PENGAMBILAN DI KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG PERATURAN 7 (a)

**Iklan adalah dibukakan kepada Orang Ramai dan Pegawai-Pegawai dan
Kakitangan yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam
Negara Brunei Darussalam.**


**MANDUR (F.2-3-4 EB.5)
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan kerasmian agama Islam, adat istiadat, kebudayaan, perkembangan sosial, ekonomi dan politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila lihat ruang "Kedudukan Permohonan" dan klik "Status Permohonan". Jika terdapat status menyatakan "Dipanggil Ujian" atau "Dipanggil Temu duga", sila semak ruang "Kalendar Saya" dan klik pada jawatan yang berkenaan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



MANDUR
JABATAN PERTANIAN DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN
F.2-3-4 EB.5 (\$495 - \$700 EB KHAS \$715 - \$775 SEBULAN)
KEKOSONGAN = SATU (01)

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) Lulus Tingkatan 1.

ATAU

- b) Telah berkhidmat di Jabatan Pertanian dan Agrimakanan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 3 tahun.

ATAU

- c) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tangga gaji F.1 atau sebanding tidak kurang dari 4 tahun.
2. Berkemahiran menggunakan dan membaiki kerosakan jentera / peralatan ladang / mesin ladang adalah kelebihan.
3. Keutamaan akan diberikan kepada calon LELAKI.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memastikan buruh-buruh datang bekerja di tempat masing-masing dalam waktu-waktu bekerja;
2. Melawat ke tapak kerja serta memastikan kerja-kerja dilaksanakan dengan sempurna;
3. Memastikan kebersihan kawasan dan pemotongan rumput di setiap zon secara berjadual;
4. Memastikan pokok-pokok tanaman di setiap zon dalam keadaan subur dan pemeliharaan pokok-pokok tanaman berjalan dengan lancar seperti pembajaan, pemangkasan dan lain-lain yang berkaitan;



5. Memastikan peralatan-peralatan, mesin-mesin dan jentera ladang disimpan dengan teratur dan kemas dan dalam keadaan bersih, baik dan sedia untuk digunakan;
6. Membantu menyediakan kegiatan harian termasuk pembahagian tugas dan jadual kerja buruh-buruh;
7. Membuat laporan kepada pegawai atasan berkaitan dengan hal ehwal kerja dari semasa ke semasa; dan
8. Membuat kerja-kerja tertentu yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.